

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/01/2018

# Dr M tak dibenar lawat Anwar

BH - 11/1/2018 Pg. 12

**Kuala Lumpur:** Hasrat Pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir untuk bertemu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani rawatan di Hospital Rehabilitasi Cheras di sini, semalam, tidak kesampaian.

Dr Mahathir yang tiba di pekarangan Unit Kemasukan Pesakit Wad pada jam 4.15 petang dibawa ke ruang menunggu berhampiran wad Ketua Umum PKR itu ditempatkan.

Bekas Perdana Menteri itu kemudian diiringi Naib Presiden

PKR, Nurul Izzah Anwar memasuki Unit Kemasukan Pesakit Wad, namun keluar semula selepas 10 minit berada dalam lobi wad berkenaan.

Ketika ditemui, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mendapat kebenaran Jabatan Penjara untuk bertemu Anwar.

## Kecewa tidak dibenar melawat

"Saya kecewa kerana tidak dibenarkan melawat...saya tidak dapat jumpa kerana diberitahu ada arahan supaya saya tidak

boleh berjumpa dengan Anwar.

"Saya sedih kerana saya cuma ingin berjumpa beliau untuk mengucapkan terima kasih kerana tidak membantah, malah menyokong saya sebagai calon (Perdana Menteri)," katanya.

Sementara itu, Nurul Izzah mengakui tidak membuat permohonan secara bertulis kepada Jabatan Penjara bagi membenarkan Dr Mahathir melawat Anwar, semalam.

"Tiada (surat permohonan). Kita membuat secara 'arbitrari'

kerana sebelum ini ada menteri datang melawat tanpa surat permohonan.

## Ziarah silaturahmi

"Ini ziarah silaturahmi, bukan soal politik kerana jika kita memikirkan politik semata-mata, tidak mungkin kita dapat menjiwai sifat kemanusiaan," katanya.

Anwar dimasukkan ke Hospital Rehabilitasi Cheras bagi menjalani pemulihan selepas pembedahan bahu kanan pada November tahun lalu.